

Amalan Pengajaran Guru yang Berkesan: Kajian di beberapa Sekolah Menengah di Malaysia

oleh

Shahril @ Charil bin Hj Marzuki

Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya

ABSTRACT

Peranan guru di dalam pembangunan negara adalah amat penting dan tidak dapat diukur dengan nilai wang. Ini di sebabkan pemimpin negara yang ada sekarang ini dilahirkan oleh guru pada masa lepas dan pemimpin masa depan akan di lahirkan oleh guru pada masa sekarang ini. Amalan pengajaran guru yang berkesan bermakna guru tersebut berupaya memperbagaikan kaedah pengajaran, menyediakan alat bantu mengajar (ABM), mendalami isi kandungan yang hendak diajar. Selain itu, guru juga perlu mengetahui akan kebolehan pelajar menerima pelajaran atau aras pelajaran, memberi motivasi kepada pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh, dapat mengawal kelakuan pelajar dan dapat memberi penilaian atau ujian yang kerap kepada pelajar. Kajian ini adalah berasaskan model pengajaran berkesan (instructional effectiveness) yang dikemukakan oleh Slavin (1987, 1994). Mengikut Slavin (1994) terdapat empat faktor yang mempengaruhi pengajaran yang berkesan, iaitu kualiti pengajaran (quality of instruction), kesesuaian tahap pengajaran (appropriate level of instruction), insentif (incentive) dan masa di peruntukan untuk pengajaran (time for instruction). Kajian ini dijalankan melalui kaedah kuantitatif bagi mengesani model Slavin (1994) tentang amalan guru guru dalam pengajaran di beberapa buah sekolah menengah di Malaysia mengikut persepsi pelajar. Selain itu kajian ini juga adalah untuk melihat sama ada terdapat kaitan di antara perbezaan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina tentang gurunya di dalam pengajaran yang dapat menarik minat dan menyeronokkan pelajar untuk terus belajar, dan sama ada terdapat kaitan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina terhadap gurunya dalam menggunakan masa pengajarannya dan akhir sekali penyelidik cuba membentuk profil guru yang mempunyai amalan pengajaran guru yang berkesan.

PENDAHULUAN

Peranan guru adalah penting dalam mendidik anak didiknya. Di dalam kelas guru berperanan sebagai pendidik, pemudahcara atau fasilitator. Guru yang pandai mendidik akan memudahkan pelajar memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, manakala guru yang tidak pandai mendidik atau mengajar akan menyebabkan pelajar sukar untuk memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, malah ianya akan menyebabkan pengajaran guru akan membosankan, pelajar tidak memberi tumpuan dalam pelajarannya atau pelajar-pelajar tidak mahu masuk ke kelas. Oleh itu amalan pengajaran-pembelajaran guru yang berkesan bermakna pengajaran guru tersebut di anggap baik jika guru tersebut berupaya

mempelbagaikan kaedah pengajaran, menyediakan alat bantu mengajar (ABM), mendalami isi kandungan yang hendak di ajar. Selain itu, guru juga perlu mengetahui akan kebolehan pelajar menerima pelajaran, memberi motivasi kepada pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh, dapat mengawal kelakuan pelajar, mengumpulkan pelajar mengikut kumpulan dan memberi penilaian atau ujian yang kerap kepada pelajar. Dengan kata lain pengajaran-pembelajaran yang berkesan merupakan kebolehan guru itu sendiri untuk mengajar dengan baik dan berkesan dan dapat memotivasikan pelajar untuk terus belajar bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.

Model awal tentang amalan pengajaran guru yang berkesan telah dikemukakan oleh Carroll (1963, 1989). Mengikut Carroll (1963), pengajaran yang berkesan di pengaruhi oleh lima faktor, iaitu sikap (*attitude*), kebolehan untuk memahami pengajaran (*ability to understand*), ketekunan (*perseverance*), peluang (*opportunity*) dan pengajaran yang berkualiti (*Quality of instruction*). Mengikut Carroll lagi, jika sikap pelajar terhadap pelajaran adalah tinggi, ia mudah untuk memahami pengajaran dan dengan demikian itu pelajar akan tekun belajar dan akhirnya mudah untuk memahami sesuatu konsep dan kemahiran. Begitu juga jika pengajaran guru itu baik maka pelajar akan belajar dengan mudah.

Walau bagaimanapun, model Carroll ini mempunyai kelemahannya, misalnya terdapat faktor seperti kualiti pengajaran dan cukup peluang masa untuk pembelajaran ialah di anggap di bawah kawalan guru, manakala sikap, kebolehan untuk memahami pengajaran dan ketekunan untuk belajar pula di anggap di bawah kawalan pelajar. Oleh itu, kedua-dua aspek di bawah kawalan guru dan pelajar mesti seiring untuk menghasilkan keberkesanan dalam pengajaran. Disebabkan model Carroll ini mempunyai kelemahannya, maka Slavin (1987, 1994) telah membina model pengajaran berkesan yang baru, yang memberi penekanan hanya kepada faktor pengajaran guru sahaja. Mengikut Slavin (1994) terdapat empat faktor yang mempengaruhi pengajaran yang berkesan, iaitu kualiti pengajaran (*quality of instruction*), kesesuaian aras pengajaran (*appropriate level of instruction*), insentif (*incentive*) dan masa (*time*).

Kualiti pengajaran bermaksud keupayaan guru untuk menyampaikan pengajaran atau konsep atau kemahiran yang mudah difahami oleh pelajar, mudah diingat dan menyeronokkan pelajar. Oleh itu, guru perlu menyampaikan isi pengajaran secara tersusun dan sistematik (Kallison, 1986); menggunakan bahasa yang jelas dan mudah (Land, 1987), penerangannya yang jelas, dan memberi contoh-contoh yang berkaitan (Mayer & Gallini, 1994); penekanan kepada isi-isi penting dan pelajaran itu cuba di kaitkan pula dengan pengetahuan dan pengalaman pelajar yang lalu dan yang sedia ada (King & Menke, 1992); dan menggunakan alat bantu mengajar (ABM) bagi membantu menerangkan sesuatu konsep (Hiebert, Wearne & Taber, 1991; Kazna 1991). Selain itu, objektif pelajaran hendaklah jelas dan khusus, isi kandungan adalah mencukupi dan pada akhir sesuatu pelajaran, guru perlu mengadakan penilaian atau peperiksaan.

Aras pengajaran yang sesuai bermaksud pengajaran mestilah sesuai dengan kebolehan dan keupayaan pelajar. Jika aras pengajaran guru tinggi, pelajar yang lemah tidak dapat mengikutnya, akhirnya mereka akan ketinggalan dalam pelajarannya. Apabila aras pengajaran itu rendah, pelajar-pelajar yang cerdas tidak akan memberikan tumpuan terhadap pengajaran guru. Ini akan merugikan pelajar yang cerdas, kerana guru terpaksa menumpukan lebih banyak masa kepada pelajar yang lemah. Salah satu cara untuk mengatasinya ialah guru perlu mengumpulkan pelajar yang cerdas ke dalam satu kumpulan dan pelajar yang lemah dalam satu kumpulan yang lain berdasarkan kebolehan dan penguasaan sesuatu kemahiran. Guru

juga boleh mengadakan pengajaran secara individu (Slavin, 1989), namun pengajaran secara individu tidak dapat menunjukkan kesan yang positif terhadap pencapaian pelajar (Hartley, 1977; Horak, 1981). Satu cara pengajaran-pembelajaran yang berkesan ialah melalui pembelajaran secara koperatif (*cooperative learning group*), yang mengumpulkan pelajar yang lemah dengan pelajar yang pandai, dan pelajar yang cerdas akan membimbing pelajar yang lemah dalam kumpulan. Dengan itu, guru akan dapat mengajar dan memberi tumpuan sepenuhnya kepada pengajaran.

Insentif bermaksud keupayaan guru untuk memberi motivasi kepada pelajar untuk terus belajar dan menyiapkan kerja-kerja yang di beri oleh guru. Terdapat dua cara untuk guru memberikan motivasi kepada pelajar supaya terus belajar (Slavin, 1994). Pertama, guru perlu menyediakan pengajaran yang boleh menarik minat dan menyeronokkan pelajar dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pelbagai alat Bantu Mengajar (ABM). Kedua, guru boleh memberi insentif kepada pelajar dengan cara memberikan ganjaran atau pujian kepada pelajar yang dapat menguasai sesuatu kemahiran atau memberi dendaan kepada pelajar yang tidak dapat menguasai sesuatu kemahiran.

Masa pengajaran-pembelajaran bermaksud masa yang cukup untuk pelajar mempelajari sesuatu konsep atau kemahiran. Pada kebiasaannya, pengajaran guru di pengaruhi oleh dua faktor masa iaitu masa yang diperuntukan (*allocated time*) oleh pihak sekolah kepada guru-guru untuk mengajar sesuatu mata pelajaran, masa tugas (*time-on-task*) atau *engaged time* yang bermaksud masa yang guru gunakan untuk mengajar dan masa yang pelajar gunakan untuk belajar bagi mendapatkan ilmu pengetahuan atau kemahiran. Kajian oleh *The Beginning Teacher Evaluation Study* (1998) menunjukkan masa yang di peruntukan kepada sesuatu mata pelajaran tidak memberi kesan kepada pencapaian pelajar apabila masa itu diukur pada peringkat kelas (Marliave, Fisher dan Dishaw, 1978). Kajian tentang *engaged time* atau *time-on-task* menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di dalam pencapaian pelajar dalam bidang akademik (Kavweit, 1989).


KERANGKA TEORI KAJIAN

Kerangka teori kajian ini adalah berdasarkan model input-output. Input adalah berdasarkan model Slavin (1994) yang mengatakan bahawa pengajaran guru yang berkesan di pengaruhi oleh empat faktor, iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa yang menjadi variabel tidak bersandar, manakala output pula adalah peningkatan dalam pencapaian akademik pelajar yang berupa variabel bersandar (Lihat Rajah 1).

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengesani model Slavin (1994) yang mengatakan bahawa amalan pengajaran yang berkesan di pengaruhi oleh empat faktor iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa yang di gunakan oleh guru-guru dalam pengajaran-pembelajaran di beberapa sekolah menengah di Wilayah Persekutuan dan di Selangor. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk melihat sama ada terdapat hubungan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina terhadap guru-guru nya dalam menyampaikan isi pelajaran secara sistematik, jelas dan mudah di fahami, sama ada terdapat hubungan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina terhadap guru-guru nya dalam pengajaran guru dapat menarik minat dan menyeronokkan pelajar untuk terus belajar dan sama ada terdapat hubungan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina terhadap gurunya di dalam menggunakan masa pengajaran sepenuhnya seperti mana yang di peruntukan waktu untuk

mengajar dan akhir sekali adalah untuk membina profil amalan pengajaran guru yang berkesan berdasarkan persepsi pelajar-pelajar dari beberapa sekolah menengah di Malaysia.



Rajah 1: Model Input-Output Pengajaran berkesan berdasarkan model Slavin (1994)

Soalan Kajian

Soalan kajian ini adalah seperti di bawah:

1. Adakah model amalan pengajaran yang berkesan Slavin telah di amalkan oleh guru mengikut persepsi pelajar?
2. Adakah terdapat hubungan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina terhadap gurunya dalam menyampaikan isi pelajaran secara sistematik, jelas dan mudah di fahami?
3. Adakah terdapat hubungan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina terhadap gurunya dalam pengajaran guru dapat menarik minat dan menyeronokkan pelajar untuk terus belajar?
4. Adakah terdapat hubungan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina terhadap gurunya dalam menggunakan masa pengajaran dengan sepenuhnya?
5. Apakah profil amalan pengajaran guru yang berkesan di sekolah menengah di Malaysia?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah di jalankan di dua buah sekolah menengah di kawasan Kepong, Kuala Lumpur dan dua buah sekolah menengah lagi di kawasan Subang Jaya, Selangor. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 di sekolah yang berkenaan. Seramai 208 orang pelajar telah di pilih sebagai responden. Kajian ini adalah untuk meninjau persepsi pelajar terhadap gurunya didalam pengajaran mengikut model pengajaran berkesan Slavin. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan temu bual dengan pelajar-pelajar dan kajian ini di tadbir oleh pelajar-pelajar Sarjana Kepengetuan semasa mereka ini mengadakan latihan pratikum di sekolah-sekolah berkenaan.

Instrumen Kajian

Satu set instrumen kajian telah di bina yang mengandungi 26 items dan di bahagikan kepada empat sub skala bagi mengukur amalan pengajaran yang berkesan berdasarkan Model Slavin. Bagi sub skala kualiti pengajaran mengandungi 11 item, kesesuaian aras pengajaran mengandungi tujuh item, manakala insentif mengandungi empat item dan masa mengandungi empat item. Borang soal selidik ini berbentuk skala Likert empat poin yang bermaksud 1 tiada langsung, skala 2 bermaksud kadang-kadang, skala 3 bermaksud selalu dan skala 4 adalah sangat selalu. Responden hanya perlu membulatkan nombor-nombor yang di pilih dan dipersetujui. Bagi menentukan kesahan dalaman dan kebolehpercayaan, item-item dalam subskala soal selidik ini, satu analisis data telah dilakukan untuk mendapatkan *coefficient alpha*. Di dapati keempat-empat sub-skala ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi iaitu *coefficient alpha* adalah antara 9398-9528. Ini satu petunjuk yang baik tentang kebolehpercayaan instrumen tersebut dalam mengukur item-item yang hendak di ukur.

Analisis Data

Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for social Sciences (SPSS)* (Pc) versi 10.5. Bagi menjawab soalan satu, frekuensi dan peratusan (%) telah di gunakan. Manakala bagi menjawab soalan 2, 3, 4 , analisis yang digunakan ialah *ujian Chi-square (X²)* dan taburan silang (*cross-tabulation*) untuk mendapatkan signifikan pada aras keertian $p < 0.05$ bagi pemboleh ubah yang dipilih. Bagi mendapatkan jawapan soalan 5, satu senarai min (\bar{x}) telah digunakan bagi membina profil amalan pengajaran guru yang berkesan.

DAPATAN KAJIAN

Daripada Jadual 1, di dapati sebanyak 42.8% (89) pelajar adalah terdiri pelajar lelaki dan sebanyak 57.2 % (119) adalah pelajar perempuan.

Jadual 1: Latar belakang Pelajar Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	89	42.8
Perempuan	119	57.2
Jumlah	208	100

Dari segi taburan kaum pula , di dapati sebanyak 46.2 % (96) pelajar adalah kaum Melayu, 44.2% (92) pelajar dari kaum cina, dan 9.6 % (20) adalah terdiri kaum India. Lihat Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Latarbelakang Pelajar Mengikut Kaum

Bangsa	Kekerapan	Peratus (%)
Melayu	96	46.2
Cina	92	44.2
India	20	9.6
Jumlah	208	100

Bagi latar belakang pelajar, di dapati sebanyak 63.9 % (133) pelajar terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan sebanyak 35.1% (73) pelajar, terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan 5. Lihat Jadual 3 di bawah.

Jadual 3 : Latar belakang Pelajar Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Kekerapan	Peratus (%)
Tingkatan 2	1	0.05
Tingkatan 3	1	0.05
Tingkatan 4	133	63.9
Tingkatan 5	73	35.1
Jumlah	208	100

Jadual 4: Pengajaran Berkesan Mengikut Model Slavin

A. Item-item dalam kualiti pengajaran	Tiada Langsung (%)	Kadang-kadang (%)	Selalu (%)	Sangat selalu (%)
1. Guru merancang pengajaran terlebih dahulu	1.4 (3)	32.7 (68)	52.4 (109)	13.5 (28)
2. Guru pelbagai kaedah pengajaran	3.4 (7)	46.6(97)	42.8 (89)	7.2 (15)
3. Guru mengaitkan isi pelajaran dengan mengetahuan dan pengalaman pelajar yang lepas	5.3 (11)	39.9(83)	38.0 (79)	16.8 (35)
4. Guru menggunakan pelbagai alat bantu mengajar	7.2 (15)	61.5(128)	25.0 (52)	6.3 (13)
5. Guru memastikan ketepatan isi pelajaran	3.4 (7)	21.6 (45)	56.3 (117)	18.8 (39)
6. Guru memantau kemajuan dan kefahaman pelajar	2.4 (5)	25.0 (52)	56.3 (117)	16.3 (34)
7. Guru menyampaikan isi pelajaran secara sistematik, jelas dan mudah difahami	2.9 (6)	34.1 (72)	47.6 (99)	15.4 (32)
8. Pengajaran guru dapat menarik minat dan menyeronokkan pelajar untuk terus belajar	12.0 (25)	46.6 (97)	30.8 (64)	10.6 (22)
9. Guru banyak memberi latihan dan kerja rumah	-	20.2 (42)	26.9 (56)	52.9 (110)
10. Kesemua isi pelajaran dalam sukatan pelajaran atau buku teks diajar oleh guru	0.5 (1)	19.2 (40)	48.6 (101)	31.7 (66)
11. Guru mereka bentuk dan melaksanakan rancangan pengajaran supaya pelajar menggunakan pelbagai kemahiran berfikir seperti menganalisis, mencerakan	5.8 (12)	41.8 (87)	38.5 (80)	13.9 (29)

B. Kesesuaian Aras Pengajaran	Tiada Langsung (%)	Kadang-kadang (%)	Selalu (%)	Sangat selalu (%)
12. Guru mengajar mengikut aras kebolehan pelajar	2.4 (5)	42.3 (88)	44.7 (93)	10.6 (22)
13. Guru mempraktikan pelajar cepat memahami konsep dan menguasai kemahiran asas	4.3 (9)	34.6 (72)	49.5 (103)	11.5 (24)
14. Guru memastikan pelajaran mempunyai sikap mahu belajar	13.5 (28)	36.1 (75)	36.5 (76)	13.9 (29)
15. Guru mengumpulkan pelajar berdasarkan kebolehan dan penguasaan sesuatu kemahiran	21.2 (44)	51 (106)	22.6 (47)	5.3 (11)
16. Guru memastikan semua pelajar dapat menguasai kemahiran asas	7.2 (15)	30.8 (64)	48.1 (100)	13.9 (29)
17. Guru memastikan ketepatan dan mempunyai pengetahuan yang terkini mengenai isi kandungan mata pelajaran yang diajar dan penguasaan bahan yang berkaitan	1.0 (2)	30.3 (63)	50. (104)	18.8 (39)
18. Guru meletakkan harapan yang tinggi terhadap pencapaian pelajar	1.9 (4)	14.9 (31)	36.5 (76)	46.6 (97)

C. Insentif	Tiada Langsung (%)	Kadang-kadang (%)	Selalu (%)	Sangat selalu (%)
19. Guru memberitahu pelajar supaya belajar sampai ke universiti	13.5 (28)	22.1(46)	38.0 (79)	26.4 (55)
20. Guru memberi ganjaran atau pujian kepada pelajar yang berusaha mencapai kejayaan	9.6 (20)	46.6 (97)	28.4 (59)	15.4 (32)
21. Guru memberi dendaan kepada murid yang malas belajar	8.2 (17)	50 (104)	26.4 (55)	15.4 (32)
22. Guru memberi semangat supaya belajar bersungguh-sungguh	5.3 (11)	23.6(49)	38.9 (81)	32.2 (67)

D. Masa Pengajaran	Tiada Langsung (%)	Kadang-kadang (%)	Selalu (%)	Sangat selalu (%)
23. Guru menggunakan masa sepenuhnya seperti mana yang diperuntukan untuk mengajar	5 (1)	28.8 (60)	44.7 (93)	26.0 (54)
24. Guru memberi pelbagai latihan/kerja dan cukup masa untuk menyiapkan latihan/kerja rumah	3.8 (8)	27.9 (58)	36.1 (75)	32.2 (67)
25. Guru masuk kelas untuk mengajar tepat pada waktunya	1.0 (2)	40.9 (85)	40.4 (84)	17.8 (37)
26. Guru keluar selepas mengajar tepat pada waktunya	1.9 (4)	38.0 (79)	36.1 (75)	24.0 (50)

Daripada Jadual 4 diatas bagi sub-skala kualiti Pengajaran, mengikut persepsi pelajar, sebanyak 52.4% (109) pelajar mengatakan gurunya selalu merancang pengajaran terlebih dahulu, dan 32.7% (68) pelajar mengatakan gurunya kadang-kadang merancang pengajaran terlebih dahulu. Bagi penggunaan ABM pula, sebanyak 61.5% (128) pelajar mengatakan gurunya kadang-kadang menggunakan pelbagai ABM dan hanya 25.0% (52) pelajar, mengatakan gurunya selalu menggunakan ABM. Bagi ketepatan isi pelajaran pula, sebanyak 56.3% (117) pelajar mengatakan gurunya selalu memastikan ketepatan isi pelajaran dan hanya 21.6% (45) pelajar yang mengatakan gurunya kadang-kadang memastikan ketepatan isi pelajarannya. Bagi pelbagaikan kemahiran berfikir, mendapati sebanyak 41.8% (87) pelajar mengatakan gurunya kadang-kadang menggunakan pelbagai kemahiran berfikir dan hanya 38.5% (80) pelajar yang mengatakan gurunya selalu menggunakan pelbagai kemahiran berfikir.

Bagi sub-skala kesesuaian aras pengajaran, sebanyak 44.7% (93) pelajar mengatakan gurunya selalu mengajar mengikut aras kebolehan pelajar, dan hanya 42.3% (88) pelajar mengatakan gurunya kadang-kadang mengajar mengikut aras kebolehan pelajar.

Bagi sub-skala insentif, di dapati sebanyak 46.6% (97) pelajar mengatakan gurunya kadang-kadang memberi ganjaran kepada pelajar yang berusaha mencapai kejayaan dan hanya 28.4% (59) pelajar mengatakan gurunya selalu memberi insentif.

Manakala bagi sub-skala masa pengajaran, sebanyak 44.7% (93) pelajar mengatakan gurunya menggunakan masa sepenuhnya untuk mengajar dan hanya 28.8% (60) pelajar yang mengatakan gurunya kadang-kadang menggunakan masa sepenuhnya untuk mengajar.

Hubungan Perbezaan jantina pelajar dengan cara guru menyampaikan isi pelajaran secara sistematik, jelas dan mudah di fahami.

Satu analisis taburan silang (*cross tabulation*) telah dilakukan untuk melihat hubungan antara dua pemboleh ubah tersebut dengan menggunakan Chi-Square (X) pada paras aras keertian

$p < 0.05$ seperti pada Jadual 5 di bawah. Didapati nilai p^* ujian Chi-Square adalah 1.867. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan. Antara perbezaan persepsi jantina pelajar dengan cara guru menyampaikan isi pelajaran.

Jadual 5: Guru menyampaikan isi pengajaran secara sistematik, jelas dan mudah difahami

	Lelaki	Perempuan	Nilai P
Tiada langsung	1.1 % (1)	4.2 % (5)	
Kadang-kadang	34.8 % (31)	33.6% (40)	1.867*
Selalu	49.4% (44)	46.2% (55)	
Sangat selalu	14.6 % (13)	16.0% (19)	

- Tidak signifikan pada aras keertian $p < 0.05$ ujian chi-square

Hubungan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina pelajar dengan Pengajaran guru yang dapat menarik minat dan menyeronokkan pelajar untuk terus belajar

Daripada Jadual 6, satu analisis taburan silang (*cross tabulation*) telah di lakukan untuk melihat hubungan antara dua pemboleh ubah tersebut dengan menggunakan Chi- square (X) pada paras aras keertian $p < 0.05$. Di dapati nilai p^* ujian Chi- Square (X) adalah 1.820. ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara perbezaan jantina pelajar dengan cara pengajaran guru yang boleh menarik minat pelajar untuk terus belajar.

Jadual 6: Pengajaran Guru dapat menarik minat dan menyeronokkan pelajar untuk terus belajar

Jantina	Lelaki	Perempuan	Nilai P
Tiada langsung	12.4% (11)	11.8% (14)	
Kadang-kadang	50.6% (45)	43.7% (52)	1.820*
Selalu	25.8% (23)	34.5% (41)	
Sangat selalu	11.2% (10)	10.1% (12)	

* tidak signifikan pada aras keertian $p < 0.05$ ujian Chi- square.

Hubungan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina pelajar dengan cara guru menggunakan masa sepenuhnya seperti mana masa yang di peruntukan untuk mengajar

Begitu juga satu analisis taburan saling (*cross tabulation*) telah dilakukan untuk melihat hubungan antara dua pemboleh ubah tersebut dengan menggunakan ujian Chi-square (X) pada aras keertian $p < 0.05$. Nilai p^* ujian Chi- Square ialah 2.069. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi jantina pelajar dengan cara guru menggunakan masa pengajarannya. Lihat Jadual 7.

Jabual 7: Guru Menggunakan masa sepenuhnya seperti mana masa yang di peruntukan untuk mengajar

Jantina	Lelaki	Perempuan	Nilai P
Tiada langsung	1.1% (1)	0% (0)	2.069*
Kadang-kadang	31.5 % (28)	26.9% (32)	
Selalu	43.8% (39)	45.4% (54)	
Sangat selalu	23.6% (21)	27.7% (33)	

* tidak signifikan pada aras keertian $p < 0.05$ ujian Chi- square

Profil Amalan Pengajaran Guru yang berkesan Mengikut Persepsi Pelajar

Profil amalan pengajaran guru berkesan mengikut persepsi pelajar di bina berdasarkan senarai min (x) dan di susun mengikut sub-skala seperti berikut:

Kualiti Pengajaran

Dalam amalan pengajaran guru mengikut persepsi pelajar, guru perlu merancang pengajaran terlebih dahulu sebelum mengajar. Ini termasuklah menyediakan buku rekod, ABM, dan memastikan isi pelajaran tepat. Apabila mengajar ia akan mengaitkan isi-isi pelajaran yang baru dengan pengetahuan sedia ada dan dengan pengalaman pelajar yang lepas. Selain itu, ia akan menyampaikan isi-isi pelajaran secara sistematik, tersusun dan jelas dan mudah difahami oleh pelajar. Guru juga akan memastikan akan ketepatan dan mengemaskinikan isi-isi kandungan mata pelajaran yang diajar. Guru yang berkesan semasa mengajar menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dan mempelbagaikan bahan media atau alat bantu mengajar dan setiap kali selesai mengajar guru berkesan akan memantau kemajuan dan kefahaman murid-murid dengan pelbagai cara sama ada penilaian secara sumatif dan formatif.

Kesesuaian Aras Pengajaran

Mengikut persepsi pelajar ,guru yang berkesan apabila mengajar akan memastikan pelajarinya mempunyai sikap dan kemahiran untuk belajar. Selain itu, guru juga akan mengajar mengikut aras kebolehan dan keupayaan pelajar dan memastikan kesemua isi pelajaran dalam sukatan pelajaran atau buku teks diajar dan dihabiskan pada akhir tahun. Guru berkesan mengumpulkan pelajar berdasarkan kebolehan dan penguasaan sesuatu kemahiran.

Insentif

Setiap kali guru berkesan mengajar mengikut persepsi pelajar, guru akan memberi motivasi dan insentif kepada pelajar supaya tekun dan belajar bersungguh-sungguh. Selain itu, guru akan memberi ganjaran kepada pelajar yang mencapai kejayaan dan dendaan kepada pelajar yang gagal dalam pelajaran.

Masa

Akhir sekali guru yang berkesan akan mengajar dengan menggunakan sepenuh masanya seperti masa yang diperuntukkan untuk mengajar, memberi masa yang mencukupi untuk pelajar menghabiskan tugas atau latihan, dan memberi pelbagai jenis tugas kepada pelajar. Begitu juga guru akan masuk dan keluar kelas tepat pada waktunya.

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Dapatan di atas menunjukkan, beberapa orang guru di sekolah menengah kajian ini merancang pengajaran terlebih dahulu sebelum mengajar. Ini bererti guru akan menyediakan dan menyiapkan buku rekod, membuat rujukan bagi memastikan isi-isi pelajaran tepat dan kemaskini, mempelbagaikan ABM, dan menyediakan aktiviti atau latihan. Hal ini sama dengan dapatan Hiebert, Wearn dan Taber (1991). Semasa mengajar pula, guru-guru akan menyusun isi-isi pelajaran secara sistematik supaya jelas dan mudah difahami, dan menggunakan bahasa yang mudah. Dapatan ini sama dengan Kallison (1986), Maye dan Galline (1994), dan Land (1987). Selain itu, dapatan ini menunjukkan guru di sekolah yang dikaji semasa mengajar guru-guru mempelbagaikan kaedah pengajaran supaya pengajaran guru itu menyeronokkan, dan dapat menarik minat pelajar untuk terus belajar.

Untuk memastikan pelajar mudah memahami sesuatu konsep atau kemahiran, guru-guru semasa guru mengajar akan mengaitkan isi pelajaran yang baru dengan pengetahuan dan pengalaman pelajar yang lepas. Dapatan ini sama dengan dapatan kajian yang dibuat oleh King dan Menke (1992)

Guru juga apabila mengajar akan mengajar mengikut aras kebolehan pelajar, menggunakan masa mengajar dengan sepenuhnya, masuk kelas mengajar dan keluar kelas tepat pada waktunya dan juga memberikan masa secukupnya kepada pelajar untuk menyiapkan tugas atau latihan di kelas ataupun kerja rumah. Guru yang berkesan juga akan memberikan motivasi dan galakan kepada pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan akademik dan belajar sampai ke Universiti. Bagi pelajar yang mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan, guru akan memberi ganjaran, sebaliknya pelajar yang gagal akan dikenakan denda. Untuk memastikan pelajar-pelajar ini dapat menguasai sesuatu konsep atau kemahiran, pelajar dikumpulkan mengikut kebolehan. Hal ini sama dengan dapatan Slavin (1984). Akhir ekali, guru yang berkesan akan selalu memantau kemajuan pelajar melalui pelbagai bentuk penilaian seperti penilaian secara sumatif atau formatif pada setiap akhir sesuatu pengajaran. Oleh itu, pengajaran yang berkesan bukan sahaja bergantung kepada kebolehan guru mengajar dengan baik, tetapi lebih daripada itu.

Mengikut Stringfield (1994)

No matter how high the quality of general classroom instruction, individual students will not learn a lesson if they lack the necessary prior skills or information, if they lack motivation, or if they lack the time they need to learn the lesson. Similarly, if the quality of curriculum and instruction are low, then it makes little difference how much students already know, how motivated they are, or how much time they have. (Stringfield, 1994:160)

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan mengikut persepsi pelajar mengikut jantina tentang guru dalam cara penyampaian isi pelajaran dengan jelas dan mudah di fahami, juga didapati, tidak ada hubungan yang signifikan antara mengikut persepsi pelajar mengikut persepsi pelajar mengikut jantina tentang pengajaran

guru yang dapat menarik minat dan menyeronokkan pelajar untuk terus belajar dan akhirnya sekali tidak terdapat hubungan yang signifikan mengikut persepsi pelajar mengikut jantina terhadap gurunya dalam menggunakan masa yang di peruntukan untuk mengajar.

Cadangan Untuk Meningkatkan Keberkesanan Amalan Pengajaran Guru Supaya Kecemerlangan Akademik Pelajar Meningkatkan

1. Guru mesti Merancang pengajaran terlebih dahulu, pelbagaikan kaedah pengajaran, gunakan ABM, kaitkan isi pelajaran baru dengan pengalaman pelajar.
2. Guru perlu memastikan ketepatan isi pelajaran, dan menyampaikan isi pelajaran secara sistematik, jelas dan mudah di fahami.
3. Pengajaran guru mesti menarik minat dan menyeronokkan pelajar supaya akan terus belajar.
4. Guru apabila mengajar perlu menggunakan pelbagai kemahiran berfikir seperti menganalisis, sintesis dan mencerakin dan lain lagi.
5. Guru perlu banyak memberi latihan dan kerja-kerja rumah kepada pelajar.
6. Guru perlu mengajar mengikut aras kebolehan pelajar
7. Guru perlu meletakkan harapan yang tinggi terhadap pencapaian pelajar dan beri semangat kepada pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh.
8. Guru perlu memastikan ketepatan fakta dan mempunyai pengetahuan yang terkini mengenai isi kandungan mata pelajaran yang hendak diajar dan penguasaan bahan yang berkaitan.

PENUTUP

Kajian ini menunjukkan model amalan pengajaran berkesan Slavin (1994) telah digunakan oleh kebanyakan guru-guru yang dikaji di beberapa sekolah menengah di Wilayah Persekutuan dan Selangor, Malaysia .

RUJUKAN

- Carroll, J. (1963). A model of school learning. *Teacher College Record*, 64, 723-73.
- Carroll J. (1989). The Carroll model: A25 years retrospective and prospective view. *Educational Researcher*, 18, 26-31.
- Eugene, C. et al. (1994). The contribution of classroom observation to school effectiveness research. Dalam E. Reynolds (Ed.), *Advances in school effectiveness research and practice* (hlm. 133-149). London: Pergamon.
- Hiebert, J. et al. (1991). Fourth graders gradual constructions of decimal fractions during instruction using different representation. *Elementary School Journal*, 97, 301-341.

Kallison, (1986). Effect of lesson organization achievement . *American Educational Research Journal*, 23, 337-347.

King, D. & Menke, J. (1992). Providing the instructors note: An effective additional to student notetaking. *Educational Psychologist*, 20,33-39.

Kozma, R. (1991). Learning with media. *Review of Educational Research*; 1, 179-211

Land, M. L. (1987), Vagueness and clarity. Dalam Dunkin (Ed.), *International encyclopedia of teaching and teacher education*. N.Y:Pergamon.

Marliave, *et al.* (1978). Academic learning time and student achievement in the B-C period for West Laboratory. *Educational Research and Development*, technical Note, V-29.

Slavin, R. (1987). A theory of school and classroom organization. *Educational Psychologist*, 22, 89-108.

Slavin, R. (1994). A theory of school and classroom organization. Dalam R. Slavin, (Ed.), *School and Classroom Organization*. Hillsdale, NJ:Erlbaun.

Stringfield, S (1994). A model of elementary school effect. Dalam R. Reynolds, (Ed.), *Advances in school effectiveness research and practice*. London: Pergamon.